

Headline **AIDSancam kemurnian, kesucian nilai ibu**  
 Date **10. May 2009**  
 Media Title **Sinar Harian**  
 Section **Nasional**  
 Circulation **60000**  
 Readership **0**

Language **MALAY**  
 Page No **19**  
 Article Size **327 cm2**  
 Frequency **Daily**  
 Color **Black/White**  
 AdValue



# AIDSancam kemurnian, kesucian nilai ibu

UNICEF menyeru semua lapisan masyarakat bantu lindungi wanita, pelihara institusi keibuan

Ibu adalah insan teristimewa. Ibu bukan sahaja melalui kegembiraan dan kepayahan menempuhi kehamilan dan kelahiran. Dia juga mengabdikan hidupnya untuk memelihara dan mendidik anak-anaknya, memastikan mereka sihat dan sejahtera daripada segi emosi dan fizikal.

Namun begitu, kini kesucian dan kemurnian nilai ibu kian tergugat disebabkan oleh ancaman AIDS, seperti diterangkan wakil UNICEF ke Malaysia, Youssouf Oomar.

"Seramai 15.5 juta wanita kini dijangkiti HIV, iaitu separuh daripada jumlah orang dewasa yang dijangkiti virus itu. Kebanyakan daripada wanita ini adalah daripada golongan ibu membesarkan berjuta kanak-kanak."

"Wabak ini semakin merebak di kalangan wanita dan kesan negatifnya akan lebih dirasai oleh generasi ibu dan kanak-kanak akan datang," kata Youssouf yang juga merupakan Wakil Khas UNICEF ke Brunei.

Di negara ini, gambarnya tidak kurang menggerunkan dengan jurang yang semakin mengecil antara kadar lelaki yang dijangkiti HIV berbanding dengan wanita. Menurut laporan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan UNICEF yang diterbitkan pada 2008, bertajuk *Women and Girls: Confronting HIV and AIDS in Malaysia* mendedahkan jangkitan HIV di kalangan wanita meningkat begitu mendadak daripada 1.2 peratus jumlah kes baru pada 1990 kepada 10.8 peratus pada 2004.

Data diperoleh pada Disember 2008 menunjukkan kadar jangkitan baru di kalangan wanita berbanding lelaki terus meningkat dan kini berada pada tahap 19 peratus.

"Ketidaksamaan gender adalah nadi krisis ini. Wanita kurang keupayaan untuk melindungi tubuh badan dan hidup mereka jika dibandingkan dengan lelaki. Perbezaan ini begitu mendalam dan tidak terhad kepada hubungan seksual sahaja. Apabila wanita bergantung sepenuhnya kepada lelaki daripada segi kewangan, terdapat risiko mereka akan terdedah kepada penindasan.

Keganasan dan ancaman terhadap wanita juga telah menghadkan wanita untuk melindungi diri mereka daripada jangkitan HIV. Mereka mungkin terdedah kepada tindakan ganas sekiranya mereka terdesak menggunakan perlindungan semasa hubungan seks. Mereka mungkin kekal dalam hubungan yang disulami keganasan kerana memikirkan anak-anak yang memerlukan bapa. Mereka juga terpaksa mengalah apabila diminta mengadakan hubungan seks tanpa perlindungan, walaupun mereka menyedari risiko yang dihadapi.

Apabila dijangkiti HIV, wanita terpaksa berdepan dengan cabaran-cabaran yang lain pula. Lazimnya, mereka akan berdepan cabaran dan kesukaran bagi mendapatkan atau meneruskan rawatan. Berlaku juga

kejadian apabila mereka pula dituduh menjadi punca jangkitan HIV dan akhirnya disisih oleh ahli keluarga termasuk suami yang menjadi dalang sebenar.

Namun kanak-kanak menjadi mangsa yang menanggung beban paling berat apabila ibu mereka dijangkiti HIV. Ibu yang tidak menyedari diri mereka dijangkiti HIV boleh menyebabkan anak-anak mereka turut dijangkiti ketika hamil dan melahirkan anak. Tanpa penjagaan sebelum dan selepas kelahiran yang teliti, satu pertiga kanak-kanak yang dilahirkan oleh ibu-ibu positif HIV akan turut dijangkiti.

Kanak-kanak yang lahir sebelum ibu mereka dijangkiti HIV dan kanak-kanak yang bebas daripada virus tersebut turut berdepan dengan risiko apabila kesihatan ibu mereka semakin teruk. Sering kali, peranan kanak-kanak akan bertukar dengan menjaga ibu mereka yang berada di ambang kematian. Selain kegetiran emosi, kehilangan ibu meninggalkan derita yang berpanjangan dalam kehidupan kanak-kanak.

"Kanak-kanak yang kehilangan ibu adalah satu bentuk tragedi. Kematian ibu melenyapkan insan penting yang menjaga dan menyayangi mereka secara tulus.

"Seterusnya, ia membawa kesan amat buruk terhadap keupayaan kanak-kanak mendapatkan pendidikan dan penjagaan kesihatan. Kanak-kanak yang membesar tanpa ibu mungkin mengalami kecelaruan emosi."

Laporan nilaian bertajuk *UNAIDS and UNICEF's 2008 Stocktaking Report on Children and AIDS*, mendesak lebih banyak usaha untuk menyediakan kemudahan ujian HIV kepada wanita mengandung dan keperluan asas rawatan. Ujian untuk ibu-ibu ini mestilah diberi keutamaan memandangkan kesihatan ibu akan mempengaruhi kesihatan bayi secara langsung.

Menyediakan rawatan kepada semasa tengah mengandung dan melahirkan mampu mengurangkan risiko jangkitan HIV daripada ibu kepada bayi. Walaupun rawatan terhadap ibu adalah salah satu langkah bagi mencegah bayi dijangkiti HIV, ia juga saluran penting untuk merawat ibu-ibu positif HIV bagi memastikan mereka sihat.

Namun apa yang lebih penting, keluarga dan masyarakat perlu memastikan ibu-ibu dan bapa-bapa bebas daripada jangkitan HIV. Penyelesaiannya adalah pendidikan. Wanita yang berpelajaran lebih tahu langkah-langkah mencegah daripada dijangkiti HIV, menanggukkan aktiviti seksual dan mengambil langkah perlindungan. Pendidikan juga membawa perubahan sikap kaum lelaki, terutama bagi golongan muda, menjadikan mereka lebih terbuka kepada langkah-langkah pencegahan.

Sempena meraikan 20 tahun kewujudan Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak, janganlah kita lupa bahawa janji kita kepada kanak-kanak mesti merangkumi komitmen untuk memastikan mereka hidup bebas daripada HIV dan kesan kesannya yang berbahaya, jelas Youssouf.

Strategi pencegahan HIV, rawatan dan khidmat sokongan terhadap wanita haruslah dimasukkan ke dalam semua perancangan dan peruntukan AIDS di

peringkat kebangsaan dan dijadikan tonggak bagi semua Strategi Pembangunan Kebangsaan. Pada masa sama, badan-badan kemasyarakatan, komuniti keagamaan, pemiagaan dan media berperanan mengikis norma sosial dan nilai yang menyumbang kepada kerendahan status sosial wanita dan keganasan terhadap mereka.

Hari Keluarga Sedunia pada 15 Mei yang menyusul selepas Hari Ibu yang jatuh pada 10 Mei, dengan tema 'Ibu dan Keluarga: Cabaran Dalam Arus Perubahan Dunia' adalah satu peringatan dan cabaran terhadap kita semua agar berdiri mempertahankan ibu dan kanak-kanak.

"Sekiranya kita bertindak sekarang, akan lebih ramai wanita dapat diselamatkan daripada dijangkiti HIV, sakit atau mati kerana AIDS. Hanya dengan bersatu, dengan satu matlamat dan tujuan sama, kita dapat melindungi dan menunaikan janji kita kepada kanak-kanak," kata Youssouf.

**“ “ “ “**  
**Keluarga dan masyarakat perlu memastikan ibu-ibu dan bapa-bapa bebas daripada jangkitan HIV. Penyelesaiannya adalah pendidikan.**